

21 SEP 2002

AMANAHSSCM:KEMPEN/I

ABDULLAH BOLEH BANTU PULIHKAN ALIRAN FDI DENGAN KEMPEN PERKENAL M'SIA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Amanah SSCM Asset Management Bhd yakin kempen memperkenalkan Malaysia, terutamanya yang diusahakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan menggantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, boleh membantu memulihkan aliran pelaburan langsung asing ke dalam negara.

Langkah itu juga dapat memberikan maklumat penting kepada kerajaan berkaitan pandangan dan keutamaan pelabur-pelabur asing, kata syarikat itu dalam laporan suku kedua Amanah SmallCAP Fund Bhd (ASFB) kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Amanah SSCM merupakan pengurus pelaburan Amanah SmallCap Fund, di mana matlamat pelaburan utamanya adalah untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang menerusi pelaburan terutamanya dalam ekuiti syarikat-syarikat bersaiz kecil dan sederhana yang tersenarai di BSKL dan bursa-bursa lain di rantau ini.

Dalam ulasan pengurus pelaburannya terhadap BSKL, Amanah SSCM menyatakan jualan dalam pasaran tempatan berikutan pengumuman peletakan jawatan oleh Dr Mahathir adalah reaksi spontan berikutan persepsi pelabur-pelabur terhadap peningkatan premium risiko politik di Malaysia.

Bagaimanapun, ia menegaskan bahawa peralihan kuasa secara perlahan-lahan dan pelan penggantian yang dilaksanakan kemudiannya sepatutnya meredakan kebimbangan ini.

"Ironinya, pelan ini mungkin telah menangani beberapa isu ketidakstabilan politik lain dan kesinambungan dalam kepimpinan yang menjadi kebimbangan utama pelabur tidak lama dahulu. Kami yakin tiada sebarang pertukaran besar dalam dasar-dasar bagi tempoh peralihan kuasa 15 bulan ini," kata syarikat itu.

Amanah SSCM juga berkata rentetan skandal perakaunan di AS mungkin terbukti menjadi satu rahmat tersembunyi bagi pasaran-pasaran sedang muncul seperti Malaysia kerana ia mengurangkan premium risiko korporat kerana AS tidak lagi boleh mendakwa ia tempat yang selamat bagi tadbir urus korporat dan ketelusan yang baik.

"Khususnya, pelabur-pelabur asing mungkin melihat dengan positif negara-negara seperti Malaysia, yang telah mempamerkan kemajuan baik dalam penyusunan semula korporat sejak krisis ekonomi pada 1997."

Amanah SSCM menyatakan memandangkan keyakinannya yang berhati-hati, "kami (pengurus pelaburan) akan mengekalkan wajaran ekuiti pada tahap yang tinggi."

Bagi pilihan saham, Amanah SSCM menyatakan ia akan terus meletakkan portfolionya dalam sektor yang boleh meraih manfaat daripada pemulihan ekonomi.

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.8 peratus pada suku kedua 2002 dan dijangka berkembang kukuh antara 4.0 dan 5.0 peratus tahun ini. Tahun depan ekonomi dijangka mencatatkan pertumbuhan pesat antara 6.0 hingga 6.5 peratus.

Dalam mengulas prestasi separuh tahun pertama BSKL, Amanah SSCM menyatakan suku kedua menyaksikan pemulihan semula minat asing terhadap Malaysia termasuk aliran masuk portfolio bagi tawaran awam permulaan Maxis Communications dan PLUS Expressways, terbitan bon Petronas dan bon Islam kedaulatan. -- BERNAMA

MAG SHY ZK